



Rujukan : KKM.100-13/8/4 Jld. 2 (2)

Tarikh : 27 Ogos 2019

*Dr. Nurhidayah*

SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN 1

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

BAHAGIAN PENGURUSAN			
KPP (U)	04 SEP 2019		KPP (REVI)
PPK Pemb.	Jab. Kesihatan Negeri Kelantan		PPK (SM)
PP Latihan	PSK	KPPK (SM)	PPK (ICT)

*fas / 27/8/19*

**KIT POLISI PENCEGAHAN RASUAH DI BAWAH PENSIJILAN MS ISO 37001: 2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperoleh pensijilan MS ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) pada 26 Jun 2019 dan YB Menteri Kesihatan telah melancarkan Kit Polisi Pencegahan Rasuah di bawah pensijilan tersebut dalam Majlis Perjumpaan Bersama YB Menteri Kesihatan Bulan Ogos 2019 pada 27 Ogos 2019.

3. Susulan pematuhan standard pensijilan, Unit Integriti telah memuat naik Kit Polisi Pencegahan Rasuah dalam Portal Rasmi KKM yang mengandungi pemakaian enam (6) polisi berikut:

- i. Polisi Antirasuah;
- ii. Polisi Rujukan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar;
- iii. Polisi Pengurusan Hadiah;
- iv. Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan;
- v. Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan; dan
- vi. Kod Etika Dan Tatakelakuan.

4. Sehubungan itu, sukacita pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan menjadikan Kit Polisi Pencegahan Rasuah sebagai rujukan dengan mengambil tindakan berikut:

TPKN(P)	TERIMA		TPKN(KA)
TPKN(U)	PEJABAT PENGARAH JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN		TPKN(KF)
TPKN(G)	03 SEP 2019		TPKN(K&KM)
PJN	KPPPN	10	KJN
TINDAKAN	<input type="checkbox"/>	FAIL	<input type="checkbox"/>
MAKLUMAN	<input type="checkbox"/>		

*[Signature]*  
03-09-2019

"Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab"

- i. menghebahkan pemakaian polisi-polisi tersebut kepada semua pegawai di bawah seliaan dengan merujuk, memuat turun atau mencetak daripada portal Rasmi KKM melalui:

**Penerbitan – Pengurusan Antirasuah – Polisi-Polisi  
Sistem Pengurusan Antirasuah**

- ii. memastikan semua pegawai membaca, memahami dan mematuhi ketetapan polisi-polisi tersebut; dan
- iii. mengemukakan lampiran **Aku Janji Kod Etika Dan Tatakelakuan** kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk tujuan naziran Unit Integriti dan simpanan rekod.

5. Sebagai tambahan, Unit Integriti telah mengadakan taklimat mengenai pelaksanaan ABMS dan pemakaian polisi-polisi tersebut kepada semua Bahagian di Ibu Pejabat KKM pada 2 hingga 9 Mei 2019. Sehubungan itu, pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) boleh memohon kepada Unit Integriti untuk mengadakan taklimat yang sama kepada semua pegawai termasuk di hospital, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan fasiliti KKM yang lain.

6. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi **Pn. Nurhafizah binti Mohd Shariff di talian 03-88924763/ hafizah.shariff@moh.gov.my** atau **Pn. Asmida binti Md Saad di talian 03-8892 4924/ asmida.mdsaad@moh.gov.my** untuk penjelasan lanjut.

7. Bersama-sama ini diedarkan dua (2) Kit Polisi Pencegahan Rasuah KKM untuk rujukan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NAZLIRASYID BIN HJ. SULONG)**

Ketua Unit Integriti,  
b.p. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k.  
Ketua Setiausaha  
Ketua Pengarah Kesihatan  
SUSK YB Menteri Kesihatan  
SUSK YB Timbalan Menteri Kesihatan

## JABATAN KESIHATAN NEGERI

1. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
7. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
8. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor
9. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
-  10. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
11. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
12. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
13. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
14. Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
15. Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

**AKU JANJI KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami dengan sepenuhnya Kod Etika Dan Tatakelakuan Kementerian Kesihatan Malaysia.
  
2. Saya dengan ini berjanji mematuhi sepenuhnya Kod Etika Dan Tatakelakuan Kementerian Kesihatan Malaysia dan sekiranya saya enggan atau gagal mematuhi Kod ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Saya.....  
No.K/P:..... Jawatan/Gred ..... yang  
berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia telah membaca dan memahami  
serta berjanji akan mematuhi Kod Etika Dan Tatakelakuan Kementerian Kesihatan  
Malaysia.

.....  
(Tandatangan)

Tarikh:

Di hadapan saya,

.....  
(Ketua Jabatan)

Cop Ketua Jabatan

Tarikh: